

PM nasihatkan semua pihak jangan pentingkan perasaan perkauman

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua pihak mengenai pentingnya perasaan perkauman tidak dibangkitkan dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Perdana Menteri berkata, beliau telah memberi amaran kepada semua parti anggota Barisan Nasional supaya mengelakkan daripada menimbulkan perasaan perkauman dalam semua ucapan dan kegiatan yang dijalankan.

Katanya, amaran itu juga ditujukan kepada akhbar-akhbar supaya berhati-hati dalam penulisan dan percetakan berita-berita.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian kepada pemberita apabila di-

tanya sama ada beliau telah memberi amaran kepada pemimpin-pemimpin MCA supaya mengelakkan daripada menimbulkan perasaan kaum dalam ucapan-ucapan mereka kerana sejak akhir-akhir ini beberapa ucapan pemimpin parti itu berunsur perkauman.

"Saya telah memberi amaran kepada semua pemimpin Barisan Nasional supaya jangan menyemarakkan perasaan perkauman dalam apa juga ucapan atau perbuatan mereka.

"Saya rasa ia tidak harus ditujukan kepada MCA sahaja, sebaliknya setiap orang daripada kita, termasuk akhbar harus berhati-hati dalam apa-apa perkara yang kita tulis, cetak atau ucapkan," ujarnya.